

15/04/2001

Penahanan mengikut ISA elak keganasan

KUALA LUMPUR: Tindakan polis menahan pemimpin Parti Keadilan Rakyat (Keadilan) mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) berjaya mengelak perhimpunan dan demonstrasi jalanan di ibu negara semalam daripada menjadi ganas, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, penahanan pemimpin Keadilan itu menyebabkan penyokong mereka tidak mempunyai pemimpin untuk menghasut agar bertindak ganas.

"Sebab itu polis sudah mengambil tindakan ini (menahan pemimpin Keadilan mengikut ISA) dan rakyat sendiri tidak mahu ada tunjuk perasaan dan keganasan.

"Kalau tidak ada orang yang menghasut, saya yakin negara kita aman dan rakyat Malaysia suka hidup aman damai," katanya selepas menghadiri perayaan Hari Vasakhi, di sini semalam.

Perdana Menteri mengulas kegagalan Keadilan mengumpul 50,000 penyokong untuk menyerahkan 'Memorandum Rakyat 14 April 2001' kepada Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (Suhakam).

Polis menganggarkan kira-kira 1,500 saja menyertai perhimpunan aman di pekarangan Menara Tun Razak, berbanding 50,000 orang yang dijadualkan sebelum ini.

Penyerahan Memorandum 10 perkara itu diketuai Presiden Keadilan, Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail kepada ahli Suhakam, Tan Sri Anuar Zainal Abidin, Tan Sri Harun Hashim dan Profesor Hamdan Adnan.

Dr Mahathir berkata, Keadilan bercadang menghimpunkan puluhan ribu penunjuk perasaan tetapi jumlah yang hadir pada penyerahan memorandum kepada Suhakam adalah sedikit.

"Kita nampak (penahanan mengikut ISA) berkesan. Kita dapat tahu mereka bagi tahu orang tertentu bahawa mereka ingin mengadakan perhimpunan ala Indonesia iaitu dengan mengganas tetapi (keganasan) itu tidak berlaku," katanya.

Mengulas mengenai perbincangan mengenai perpaduan Melayu, Dr Mahathir berkata Umno masih terbuka dan sanggup meneruskan perbincangan dengan Pas walaupun parti itu mahu tiga syarat mereka dipenuhi.

"Kita berpendapat syarat itu tidak ada kena mengena dengan perpaduan Melayu kerana orang Melayu dalam perkara tertentu, ada tidak boleh mencapai kata sepakat.

"Bagaimanapun, mengenai kepentingan Melayu kita sepatutnya ada kata sepakat dan ini bukan subjek untuk politik," katanya.

Ditanya mengenai Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor, tetap mahu tiga syarat itu dipenuhi, Dr Mahathir yang juga Presiden Umno berkata:

"Tidak boleh mengenakan syarat macam itu. Ini bermakna tidak cakap lagi (berunding), kita sudah setuju. Semua orang apabila hendak bercakap tidak kena setuju dengan syarat dulu."

Sementara itu, dalam ucapannya Perdana Menteri berkata, kerajaan sedia menimbang permintaan masyarakat Sikh untuk mengisytiharkan Hari Vasakhi sebagai cuti umum.

Dr Mahathir berkata, negara kini sudah mempunyai 16 hari cuti umum dan sekiranya permintaan masyarakat Sikh itu ditunaikan, kerajaan terpaksa mengambil cuti am lain.

"Sekiranya tidak dapat cuti umum, jangan fikir kerajaan tidak menghargai sumbangan masyarakat Sikh yang begitu besar kepada negara," katanya.

Perdana Menteri berkata, walaupun masyarakat Sikh mempunyai tradisi

ketenteraan tetapi mereka tidak bertindak ganas kerana lebih mengutamakan soal disiplin.

"Kalau ada masalah masyarakat Sikh di negara lain, mereka tidak bawa masalah itu ke Malaysia, kerana mereka mahu terus hidup aman tanpa mengira apa yang berlaku di luar Malaysia," katanya.

(END)